

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: KOSMO! (NEGARA)

TARIKH: 17 APRIL 2018

MUKA SURAT: 03

Tiga beradik ditinggalkan bersendirian ditemui rentung



KEADAAN rumah kongsi yang musnah terbakar sehingga menyebabkan tiga beradik mati rentung di Borneo Pegagau, Semporna kelmarin.

SEMPORNA – Tiga beradik termasuk dua daripadanya kembar ditemui dalam keadaan menyayat hati apabila mereka rentung dalam kebakaran yang memusnahkan sebuah rumah kongsi ladang di Borneo Pegagau di sini kelmarin.

Dalam kejadian kira-kira pukul 8 malam itu, mayat kanak-kanak perempuan iaitu Fonsalina Roman @ Abdullah dan pasangan kembarnya seorang lelaki, Harmasius masing-masing berusia lima tahun serta adik bongsu mereka, Amsalinus, 4, ditemui di bahagian dapur rumah.

Difahamkan, kejadian berlaku ketika ketiga-tiga kanak-kanak

malang itu ditinggalkan bersendirian di rumah tersebut selepas bapanya keluar untuk menjemput ibu mereka di kawasan ladang kelapa sawit berdekatan.

“Ketika ditinggalkan, pintu belakang rumah berkenaan telah dikunci dan kesemua mangsa dipercayai berada di bahagian ruang tamu rumah,” katanya di sini semalam.

Katanya, bapa dan ibu mangsa yang menyedari kediaman mereka terbakar kemudian segera pulang dan cuba untuk menyelamatkan kesemua mangsa.

“Kedua-dua ibu bapa mangsa dan beberapa penduduk cuba masuk ke dalam rumah itu,

tetapi gagal memandangkan keadaan api yang merebak terlalu pantas.

“Sebaik api berjaya dipadamkan, pasukan bomba telah menemui mayat tiga kanak-kanak di bahagian dapur rumah,” ujarnya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Semporna, Fazizul Hizam Borhan berkata, 10 anggota bersama dua jentera dikerahkan ke lokasi kejadian.

“Ketika tiba di lokasi rumah tersebut telah terbakar 95 peratus. Api berjaya dikawal kira-kira pukul 9 malam sebelum operasi ditamatkan sepenuhnya pada pukul 9.43 malam,” katanya.